

Sentuhan manusiawi kekal penting dalam penterjemahan

Teknologi sebagai rakan strategik melengkapi penterjemah, bukan ancaman

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Berdepan gelombang teknologi dan kecerdasan buatan (AI), peranan penterjemah terlihat masih belum tergugat.

Walaupun peranan AI semakin canggih dan pantas, keupayaan manusia untuk menafsir makna, memahami konteks serta menjaga sensitiviti budaya kekal menjadi faktor penentu ketepatan sesuatu terjemahan.

Dalam banyak keadaan, khususnya membabitkan dokumen rasmi, undang-undang dan karya ilmiah, sentuhan kepakaran penterjemah profesional masih diperlukan bagi memastikan mesej asal disampaikan dengan tepat, beretika dan bersesuaian dengan keperluan tempatan.

Sementara dalam bidang sastera pula, peranan penterjemah terlatih menjadi jambatan halus antara bahasa dan jiwa pengarang. Setiap metafora, ironi, atau ritma bahasa membawa makna tersirat, yang tidak mampu ditangkap sepenuhnya oleh mesin.

AI mungkin dapat menyalin kata demi kata, namun ia sukar menafsir getaran emosi, nada puitis dan nuansa budaya yang melekat pada teks asal.

Justeru, terjemahan sastera bukan sekadar memindahkan perkataan, tetapi menyalin pengalaman, mengekalkan identiti karya dan memelihara roh cerita, iaitu tugas yang memerlukan

kepekaan, intuisi dan pengalaman penterjemah manusia.

Justeru, bagi Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), sentuhan manusia kekal menjadi penentu utama ketepatan, kualiti dan sensitiviti dalam kerja penterjemahan, khususnya apabila membabitkan bahasa, budaya dan konteks tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif ITBM, Sakri Abdullah, berkata AI hanyalah alat bantu, apatah lagi proses penterjemahan sebenar adalah berstruktur, iaitu penterjemah seharusnya pakar bidang, manakala editornya adalah pakar bahasa bagi menghasilkan terjemahan yang tepat dan berkualiti.

Proses silang

Katanya, bergelar penterjemah bukan hanya sekadar memahami dua bahasa, tetapi perlu menguasai bidang dan melalui proses silang, sentiasa menjaga lokaliti dan sensitiviti.

"Tidak semua perkataan ataupun budaya luar sesuai digunakan di Malaysia, jadi ia perlu buat penyesuaian.

"Itu sebabnya dalam terjemahan buku, amalan biasa hak cipta adalah kita dibenarkan oleh penerbit asal untuk mengubah sehingga 30 peratus saja," katanya.

Sakri berkata, ITBM sehingga kini masih kekal dengan pera-

nannya sebagai agensi yang menawarkan pelbagai khidmat terjemahan profesional.

Malah sehingga kini agensi itu sudah mengadakan banyak kerjasama strategik dengan pelbagai organisasi penterjemahan di luar negara memandangkan sudah menjadi ahli Persatuan Penterjemahan Antarabangsa.

Malah katanya, ITBM juga menyokong program-program kerajaan, termasuk inisiatif berkaitan STEM, TVET, pembangunan nilai murni dan karakter, selain turut menterjemah judul antarabangsa yang bersesuaian dengan pasaran tempatan.

Ketika ini, ITBM mempunyai lebih daripada 3,000 penterjemah berdaftar, namun yang aktif kira-kira 1,500 orang dan hampir 400 penterjemah sepenuh masa dalam pelbagai bahasa serta bidang kepakaran.

Antara bahasa yang diterjemahkan setiap tahun ialah Arab, Mandarin, Inggeris dan Melayu, selain Perancis, Jepun dan Sepanyol.

Justeru katanya, berdasarkan peranan dimainkan ITBM, beliau mengharapkan institusi itu diberikan sedikit peruntukan bajet tahunan daripada kerajaan memandangkan fungsinya lebih dominan dalam tanggungjawab sosial.

"Dalam masa sama, bagi memastikan bahasa Melayu terus dijaga, sudah tiba masa untuk wujudnya Akta Penterjemahan Negara supaya terjemahan dilakukan dengan betul dan tepat.

"Kita tidak mahu bahasa Melayu menjadi bahasa yang dikutuk akibat kesilapan mesin terjemahan, penterjemah mahupun pelanggan yang mahukan cepat dan murah.

"Saya fikir, sudah tiba masanya jika ITBM perlu dikembalikan kepada nama asal iaitu Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) kerana buku bukan tanggungjawab dominan ITBM," katanya.

Rakan strategik

Tambah Sakri, selari dengan penegasan bahawa peranan manusia kekal sebagai teras penterjemahan, ITBM melihat teknologi sebagai rakan strategik yang melengkapi penterjemah, bukan ancaman.

Pada era dunia yang semakin dipacu teknologi, kewujudan mesin penterjemahan dianggap pemudah cara penting bagi mempercepat pemindahan bahasa merentas sempadan, namun tetap perlu dikawal dan dibimbing oleh kepakaran manusia.

Menurutnya, perkembangan teknologi ini tidak boleh diabaikan dan perlu ditangani melalui inovasi. Sehubungan itu, ITBM bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk membangunkan mesin terjemahan tempatan dikenali sebagai MyTranslate yang mengambil kira kepentingan lokaliti dan sensitiviti budaya.

"MyTranslate dibangunkan mengikut bidang dan bagi fasa pertama, ITBM memfokuskan bidang undang-undang. Data yang dimasukkan berkaitan istilah serta konteks perundangan bagi membantu penterjemah profesional menghasilkan terjemahan lebih tepat.

"Sistem itu hampir siap dan akan digunakan secara dalaman sebelum diperluaskan kepada umum," katanya.

“Bergelar penterjemah bukan hanya sekadar memahami dua bahasa, tetapi perlu menguasai bidang dan melalui proses silang, sentiasa menjaga lokaliti dan sensitiviti. Tidak semua perkataan ataupun budaya luar sesuai digunakan di Malaysia, jadi ia perlu buat penyesuaian”

Sakri Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif ITBM

